

Ahli perniagaan yakin hubungan dagangan cerah

P. Dr. Mahathir - oversea

frps

BH 31 JUL 1987

MOSCOW, Khamis — Ahli-ahli perniagaan Malaysia dan Hungary yakin peluang memperingkatkan hubungan dagang antara kedua-dua negara kini lebih cerah ekoran lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Hungary yang berakhir semalam.

Keyakinan ini tercetus hasil rundingan antara ahli-ahli perniagaan Malaysia dan rakan sejawat Malaysia di Hungary.

Dalam sidang akhbar bersama untuk wartawan-wartawan Malaysia di Budapest semalam, kedua-dua belah pihak berkata mereka kini lebih faham mengenai peluang-peluang yang wujud.

Setiausaha Agung Dewan Perniagaan Hungary, Encik P Lorincze, berkata rundingan-rundingan itu mencerahkan lagi harapan minggu Hungary di Kuala Lumpur September ini.

Ia membabitkan seminar mengenai peluang

perdagangan dengan Hungary, pameran barang-barang buatan Hungary dan persembahan masakan Hungary.

Encik Lorincze menyebut tiga bidang yang boleh disertai oleh Hungary di Malaysia iaitu pembinaan infrastruktur, pemindahan teknologi Hungary dan memproses bahan-bahan mentah Malaysia untuk eksport.

Hungary yang membeli bahan-bahan mentah seperti getah dan minyak kelapa sawit dari Malaysia akan mengkaji bahan-bahan bukan tradisional, termasuk barang-barang keluaran kilang, dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia.

Rundingan

Pengerusi dewan itu, Dr Nawawi Mat Awini berkata, perbincangan lebih serius kini boleh dilakukan dengan pihak Hungary kerana wujud pengetahuan yang lebih mendalam mengenai satu sama lain.

Ahli-ahli perniagaan Malaysia sudah mengenal pasti beberapa jenis barang yang mungkin boleh dibeli dari Hungary untuk menambah dan memperbaikiimbangan perdagangan. Beberapa ahli perniagaan Malaysia akan membuat lawatan ulangan ke Hungary.

Dr Nawawi berkata pihaknya ingin mendalami kemungkinan menjadikan Hungary satu lagi punca bekalan barang-barang kilang dan alat jentera pengilangan.

Mengenai kemungkinan Hungary melabur di Malaysia, Encik Lorincze berkata kerajaan Hungary tidak menghalang agensi-agensinya melabur di luar negeri dan tidak menyekat pengaliran keluar modal.

Turut dibincangkan ialah kemungkinan Hungary membeli lebih banyak bahan-bahan mentah terus dari Malaysia daripada mengimportnya melalui negara ketiga. — A. KADIR

JASIN.